

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :		MUKASURAT : 1/7
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
1.	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p>Pastikan Kenyataan Tuntutan Perjalanan Melapor Diri Kali Pertama dalam Perkhidmatan Awam dan dokumen sokongan disertakan.</p> <p>1.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :-</p> <p>1.1 tuntutan hendaklah di bayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) di terima</p> <p>1.2 baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan itu kena bayar dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi</p> <p>2.0 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Pastikan butir-butir maklumat pegawai adalah lengkap seperti berikut :-</p> <p>3.1 Nama dan no. kad pengenalan hendaklah dicatitkan.</p> <p>3.2 Gred / Kategori / Kumpulan & Jawatan</p> <p><u>Takrif Gred</u> Gred Gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan.</p>	<p>Format seperti di Pekeliling Perb Bil. 6 /1994.</p> <p>Arahan Perbendaharaan para 58 (a)</p> <p>Pek. Perbend. Bil 3 Tahun 2003 para 2.1</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :		MUKASURAT : 2/7
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																																																
	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p><u>Takrif "Pegawai".</u> Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut</p> <p>3.3 Pendapatan (RM) termasuk gaji pokok dan elaun-Elau Semak antara gaji pokok pegawai dan kuasa kenderaan (c.c) mana yang terendah bagi menentukan kelas tuntutan yang layak bagi membuat tuntutan.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>GAJI (RM)</th> <th>KELAS</th> <th>CC KENDERAAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tidak kurang dari RM2,625.45 sebulan</td> <td>A</td> <td>1400 s.s dan keatas</td> </tr> <tr> <td>Tidak kurang dari RM2,333.00 sebulan</td> <td>B</td> <td>1000 s.s dan keatas</td> </tr> <tr> <td>Tidak kurang dari RM1,820.75 sebulan</td> <td>C</td> <td>Di bawah 1000 s.s.</td> </tr> <tr> <td>Kurang dari RM1,820.75 sebulan</td> <td>D</td> <td>Tidak kurang 175 s.s.</td> </tr> <tr> <td>Kurang dari RM1,820.75 kebawah</td> <td>E</td> <td>Di bawah 175 s.s.</td> </tr> </tbody> </table> <p>3.4 Semak kadar per km mengikut kelas kenderaan dan hitungan km yang dituntut.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>A</th> <th>B</th> <th>C</th> <th>D</th> <th>E</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>500 km. pertama</td> <td>70</td> <td>60</td> <td>50</td> <td>45</td> <td>40</td> </tr> <tr> <td>501- 1000 km</td> <td>65</td> <td>55</td> <td>45</td> <td>40</td> <td>35</td> </tr> <tr> <td>1001 - 1700 km</td> <td>55</td> <td>50</td> <td>40</td> <td>35</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>1700 km seterusnya</td> <td>50</td> <td>45</td> <td>35</td> <td>30</td> <td>25</td> </tr> </tbody> </table>	GAJI (RM)	KELAS	CC KENDERAAN	Tidak kurang dari RM2,625.45 sebulan	A	1400 s.s dan keatas	Tidak kurang dari RM2,333.00 sebulan	B	1000 s.s dan keatas	Tidak kurang dari RM1,820.75 sebulan	C	Di bawah 1000 s.s.	Kurang dari RM1,820.75 sebulan	D	Tidak kurang 175 s.s.	Kurang dari RM1,820.75 kebawah	E	Di bawah 175 s.s.		A	B	C	D	E	500 km. pertama	70	60	50	45	40	501- 1000 km	65	55	45	40	35	1001 - 1700 km	55	50	40	35	30	1700 km seterusnya	50	45	35	30	25	<p>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 2.3</p> <p>Pek Perkhid. Bil 1 Tahun 2012 Lampiran I para 3</p> <p>Pek Perbend Bil 2 Tahun 2006</p>
GAJI (RM)	KELAS	CC KENDERAAN																																																	
Tidak kurang dari RM2,625.45 sebulan	A	1400 s.s dan keatas																																																	
Tidak kurang dari RM2,333.00 sebulan	B	1000 s.s dan keatas																																																	
Tidak kurang dari RM1,820.75 sebulan	C	Di bawah 1000 s.s.																																																	
Kurang dari RM1,820.75 sebulan	D	Tidak kurang 175 s.s.																																																	
Kurang dari RM1,820.75 kebawah	E	Di bawah 175 s.s.																																																	
	A	B	C	D	E																																														
500 km. pertama	70	60	50	45	40																																														
501- 1000 km	65	55	45	40	35																																														
1001 - 1700 km	55	50	40	35	30																																														
1700 km seterusnya	50	45	35	30	25																																														

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :	MUKASURAT : 3/7	
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p>3.5 Alamat Pejabat & Alamat Rumah</p> <p><u>Takrif "Ibu Pejabat".</u></p> <p>Tempat biasa seorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dan lingkungan jarak pentadbirannya :-</p> <p>a) 25km jika boleh dihubungi oleh jalanraya</p> <p>b) 16km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor</p> <p>c) 8km jika boleh dihubungi oleh jalan basikal dan sungai</p> <p>4.0 Kenyataan tuntutan lapor diri untuk lantikan pertama</p> <p>Semak sama ada kenyataan tuntutan pegawai adalah lengkap – catitkan dengan jelas tarikh, waktu bertolak dan sampai, tujuan / tempat dan jarak (k.m) perjalanan.</p> <p>4.1 Semak sama ada pegawai membuat tuntutan perjalanan melapor diri untuk lantikan pertama di Jabatan Perkhidmatan Awam, berkursus atau mana – mana tempat yang diarahkan atas tujuan rasmi dari rumah kediaman mengikut alamat surat tawaran lantikan ke penempatan tetap/semntara pegawai.</p> <p>Pegawai layak menuntut Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ tiket kapal terbang dari tempat kediaman ke mana-mana tempat yang diarahkan untuk melapor diri/ berkursus/ menghadiri taklimat dan sebagainya sehingga ke Pejabat yang diarahkan bertugas secara tetap.</p>	<p>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 2.2</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2010 Para 10</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :		MUKASURAT : 4/7
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p><u>Pegawai yang layak menuntut tuntutan</u></p> <p>Seorang Pegawai yang baru pertama kali dilantik dalam perkhidmatan awam yang diarahkan melapor diri dimana-mana tempat di Malaysia adalah layak menuntut tambang perjalanan bagi diri dan keluarganya dari rumah kediamannya ke tempat yang pegawai tersebut di arahkan bertugas mengikut kelayakkan tambang perjalanan yang layak diperolehinya setelah memegang jawatan yang ditawarkan itu.</p> <p>4.2 Semak sama ada pegawai yang baru dilantik membawa keluarga</p> <p>Tambang pengangkutan awam/ tuntutan perjalanan kenderaan/ tiket kapal terbang yang boleh di tuntutan bagi keluarga hanyalah dari tempat kediaman ke tempat penempatan tetap pegawai.</p> <p><u>Takrif Keluarga</u></p> <p>Keluarga bermaksud jika bagi pegawai lelaki adalah isteri dan anak-anaknya dan jika bagi pegawai perempuan adalah suami dan anak-anaknya tidak termasuk orang gaji. Anak-anak yang berkelayakan ialah anak-anak yang ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang belum mencapai umur 21 tahun termasuk anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diiktiraf oleh undang-undang. Walaubagaimanapun, anak-anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur ini tidak akan terpakai.</p>	<p>Pek.Perbend. Bil 3 Tahun 2003 para 13</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2010 Para 10</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :		MUKASURAT : 5/7
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p>5.0 Elaun Perjalanan Semak sama ada pegawai menuntut tambang pengangkutan awam atau membawa kenderaan sendiri</p> <p>5.1 Sekiranya membawa kenderaan sendiri pegawai boleh membuat tuntutan hitungan batu mengikut kelayakan seperti para 3.3 dan 3.4.</p> <p>5.2 Sekiranya menggunakan pengangkutan awam, Tuntutan tambang adalah seperti berikut:-</p> <p>i. Teksi / kereta sewa / bas / motobot dan lain-lain. Mengikut tambang lazim dan disokong dengan resit sekiranya resit dikeluarkan. Sekiranya tiada, buat perakuan bahawa perbelanjaan telah dilakukan dan dibayar oleh pegawai.</p> <p>ii. Keretapi / kapal laut dan lain-lain Kelas 1 : Gred 27 ke atas Kelas 2 : Gred 1 – 26</p> <p>5.3 Semak sama ada kemudahan pengangkutan disediakan oleh jabatan atau penganjur</p> <p>Sekiranya kemudahan pengangkutan disediakan oleh jabatan atau penganjur, pegawai tidak layak menuntut elaun perjalanan kenderaan/ tambang pengangkutan awam.</p>	<p>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.11.1 (a)</p> <p>Pek Perbend Bil 3 Tahun 2003 para 4.11.1 (b)</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :		MUKASURAT : 6/7
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p>5.4 Semak sama ada pegawai membawa kenderaan sendiri atau selain dari kepunyaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi</p> <p><u>Takrif 'kenderaan selain dari kepunyaan sendiri'</u> Ketua Jabatan boleh menimbangkan permohonan untuk menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan daripada pegawai yang menggunakan kenderaan selain dari kepunyaannya sendiri semasa menjalankan tugas rasmi dengan syarat :</p> <p>i- kenderaan Jabatan tidak dapat disediakan bagi kegunaan pegawai ii- pegawai hendaklah mengesahkan bahawa kenderaan yang dipinjam itu berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum dan semasa digunakan iii- tuan punya kenderaan tersebut tidak ada menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan ke atas kenderaan yang sama di sepanjang tempoh tuntutan dibuat oleh pegawai.</p> <p>6.0 Pengakuan</p> <p>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan pengakuan diisi dengan lengkap.</p> <p>6.1 Isikan ruangan para c, sekiranya resit tambang pengangkutan awam tidak diperolehi / hilang / tiada.</p> <p>6.2 Tarikh dan tandatangan pegawai hendaklah dilengkapi</p> <p>7.0 Pengesahan</p> <p>Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan pengesahan berkaitan tarikh, tandatangan beserta cop jawatan pegawai diisi dengan lengkap.</p>	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1984

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : TUNTUTAN PERJALANAN MELAPOR DIRI KALI PERTAMA		
RUJUKAN DOKUMEN :		MUKASURAT : 7/7
KELUARAN : 1	PINDAAN : 0	TARIKH UBAHSUAI : 06.04.2012

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																				
	Tuntutan perjalanan melapor diri kali pertama	<p>8.0 Pastikan dokumen sokongan berikut dikepilkan :-</p> <p>8.1 Surat tawaran pelantikan kali pertama</p> <p>8.2 Surat arahan penempatan tetap</p> <p>8.3 resit-resit berkaitan Satu perakuan hendaklah dibuat iaitu (disahkan bahawa perbelanjaan ini adalah perbelanjaan rasmi kerajaan).</p> <p>9.0 Semak samada kod objek yang dipertanggungkan di atas baucar bayaran adalah menggunakan objek lanjut di bawah objek sebagai 21000.</p> <p><u>9.1 Kakitangan Awam Biasa/ Pegawai yang tidak menyandang jawatan tetap (sementara/ sangkut/ kontrak)</u></p> <p align="center">Dalam Negeri</p> <table> <tr> <td>Kereta Api/ERL/LRT/Komuter</td> <td>21103</td> </tr> <tr> <td>Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas)</td> <td>21104</td> </tr> <tr> <td>Feri/Bot</td> <td>21105</td> </tr> <tr> <td>Kapal Terbang/Tambang</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Gantian</td> <td>21106</td> </tr> </table> <p>9.2 Polis / Tentera</p> <table> <tr> <td>Kereta Api/ERL/LRT/Komuter</td> <td>21303</td> </tr> <tr> <td>Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas)</td> <td>21304</td> </tr> <tr> <td>Feri/Bot</td> <td>21305</td> </tr> <tr> <td>Kapal Terbang/Tambang</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Gantian</td> <td>21306</td> </tr> </table>	Kereta Api/ERL/LRT/Komuter	21103	Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas)	21104	Feri/Bot	21105	Kapal Terbang/Tambang		Gantian	21106	Kereta Api/ERL/LRT/Komuter	21303	Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas)	21304	Feri/Bot	21305	Kapal Terbang/Tambang		Gantian	21306	<p>Pek Perbend Bil 5 Tahun 2004</p> <p>ANM(OC)03/1 Jld.5 (65) bertarikh 24.08.2009</p>
Kereta Api/ERL/LRT/Komuter	21103																						
Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas)	21104																						
Feri/Bot	21105																						
Kapal Terbang/Tambang																							
Gantian	21106																						
Kereta Api/ERL/LRT/Komuter	21303																						
Perjalanan/Kenderaan (Kereta/Teksi/Bas)	21304																						
Feri/Bot	21305																						
Kapal Terbang/Tambang																							
Gantian	21306																						



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
 (Accountant General's Department Malaysia)
 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
 NO. 1, PERSIARAN PERDANA
 PRESINT 2
 62594 PUTRAJAYA



Tel. : 603-8882 1000
 Faks : 603-8882 1042
 Web : http://www.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM(OC)03/1 Jld. 5 (65)
 Tarikh : 24 Ogos 2009

Ketua Setiausaha
 Kementerian Belia dan Sukan
 Menara KBS
 No. 27 Persiaran perdana
 Presint 4, 62570 Putrajaya
 (u.p. Puan Siti Aida binti Arshad)



PENGUNAAN KOD OBJEK BAGI BAYARAN TUNTUTAN PEGAWAI YANG TIDAK MENYANDANG JAWATAN TETAP

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan email puan bertarikh 8 Ogos 2009.

2. Untuk makluman puan, penggunaan kod objek bagi bayaran tuntutan pegawai yang tidak menyandang jawatan tetap hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2004. Oleh yang demikian **bayaran tuntutan perjalanan** hendaklah dibayar di bawah objek sebagai **21000**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
 'Warga Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti'

Saya yang menurut perintah,

(HJ. SAFIEE BIN MOHD YUSOFF)
 Pengarah
 Bahagian Pengurusan Operasi Cawangan
 b.p.Akauntan Negara Malaysia

s.k. Semua Pengarah Negeri/Cawangan
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Semua Ketua Akauntan
 Jabatan Mengakaun Sendiri

P. N. W52	
T.P.N. W48	
P.P.K. I W44	✓
P.P.K. II W44	
P.P. W41 Gay	
P.P. W41 WTT	
P.P. W41 P	
P.A. W3	
P.A. W3	
P.S.M. P32	
PPT N27 Percd.	
P.A. W22 Bayaran	
Untuk makluman	
Untuk tindakan	
Sukacita dapat dipinjam	✓

Pn. Aslizahati,

Pn. Nailena,

h/ka

11/10/09